



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2019

Rujukan : Bil (26) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Februari 2019

Pengarah-Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh**CETAKAN PENYATA SARAAAN GAJI TAHUNAN (BORANG EC) ANGGOTA
MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TUJUAN CUKAI PENDAPATAN**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.


2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa mulai tahun 2019 Penyata Saraan Gaji Tahunan (Borang EC) anggota yang bertugas di pejabat boleh dicetak sendiri dengan menggunakan ID pengguna masing-masing di Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT). Kemudahan ini diwujudkan agar anggota lebih mudah membuat semakan dan cetakan maklumat peribadi. Namun begitu, capaian kepada Penyata Saraan Gaji Tahunan (Borang EC) adalah terhad kepada anggota secara individu (kawalan melalui ID pengguna dan kata laluan).

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perbendaharaan tidak akan membuat cetakan Penyata Saraan Gaji Tahunan (Borang EC) kepada anggota yang bertugas di pejabat mulai tahun 2019. Oleh itu, bersama-sama ini dikemukakan Lampiran A untuk rujukan tuan/puan agar proses cetakan Penyata Saraan Gaji Tahunan (Borang EC) masing-masing di Sistem SPBT berjalan dengan lancar.

4. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. **Perlaksanaan Arahkan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"


(MOHD ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA) *
Setiausaha Bandaraya**"INOVASI NADI KESIAGAAN TRANSFORMASI"**